



## Larian Hijau di Cyberjaya

# INISIATIF EMKAY MELESTARI ALAM SEMULAJADI



**K**elab Rekreasi EMKAY telah menganjurkan acara larian 'Green Fun Run' di kawasan pembangunan NeoCyber, Cyberjaya.

Larian Hijau sejauh 10km ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap penjagaan kesihatan dan pengkalan alam sekitar di kalangan masyarakat selain untuk mengeratkan hubungan antara penduduk di kawasan pembangunan NeoCyber khususnya dan Cyberjaya umumnya.

Seramai 500 peserta telah mengambil bahagian di dalam acara larian ini yang dibuka kepada orang umum dengan tawaran wang tunai dan hadiah bernilai RM30 ribu ringgit yang bakal dijadikan acara tahunan oleh Kumpulan EMKAY. Larian ini terbahagi kepada 4 kategori utama iaitu Terbuka Lelaki & Wanita, Veteran Lelaki & Wanita, Korporat dan Remaja Lelaki & Wanita.

Inisiatif Kumpulan EMKAY dalam menyumbang ke arah meningkatkan kesedaran serta menangani isu kelestarian alam adalah berterusan dan mencakupi pelbagai aspek. Sebagai contoh, dalam aspek pembangunan, Kumpulan EMKAY telahpun membina sebuah bangunan hijau pertama di Cyberjaya yang telah mendapat pengiktirafan "Emas" LEED (Leadership in Environment & Energy Design) dari US Green Building Council. Pengiktirafan ini merupakan satu mercu tanda dalam inisiatif EMKAY memelihara alam sekitar selain dari mewujudkan 3 Yayasan iaitu Yayasan EMKAY, Yayasan Pulau Banding dan Yayasan Pulau Orang Utan Bukit Merah yang kesemuanya berpaksikan kepada inisiatif melestarikan alam.

Bersempena dengan acara larian hijau ini, pihak Landskap Malaysia yang juga penaja utama telah bermurah hati menyumbangkan pokok hutan terdiri dari spesies Meranti Rambai Daun (*Shorea acuminata*), Meranti Sarang Punai (*Shorea parvifolia*) dan Karas (*Aquilaria malaccensis* lamk) kepada semua peserta.

Ditasmikan oleh  
**YBHG TAN SRI DATUK HJ MUSTAPHA KAMAL HJ ABU BAKAR**  
Pengerusi Kumpulan EMKAY

Pada  
**27 November 2010**

Di  
**Nec Cyber, Cyberjaya**

